

Sekat golongan yang gunakan Islam racun fikiran pelajar

1975
M. 3 JULI 1975

PELABUHAN
KELANG 24 Julai — Pengarah-pengarah pelajaran, guru dan pemimpin-pemimpin masyarakat telah diarah supaya menyekat aktiviti-aktiviti golongan pelampau yang menggunakan ajaran Islam untuk meracuni fikiran para pelajar bagi menimbulkan kebencian terhadap kerajaan.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa arahan itu dibuatnya kerana sekiranya amalan anasir-anasir yang berlagak sebagai orang-orang alim itu tidak disekat akan memberi kesan yang amat buruk kepada umat Islam dan juga menggugat hasrat kerajaan hendak meninggikan pelajaran dan ekonomi Bumiputera.

Berucap merasmikan bangunan tambahan Sekolah Rendah Pulau Lumut, dekat sini, hari ini Menteri Pelajaran itu menerangkan bahawa golongan pelampau itu melakukan amalan jahat itu untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Sempit

Ajaran mereka itu yang dikatakan Islam menurut beliau bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar dan mengelirukan serta meracuni fikiran para pelajar.

Dakwah Islam yang sebenarnya bertujuan menyatupadukan masyarakat Islam dan mengukuhkan perpaduannya, katanya.

Tetapi dakwah yang dilakukan oleh anasir-anasir ini ialah dakwah yang menggunakan nama Islam untuk mencair kerajaan dan memburukkan pemimpin-pemimpinnya dengan tu-

juan menimbulkan kebencian terhadap kerajaan.

"Mereka memandang kehidupan dunia ini dengan pandangan yang sempit dan mengeluarkan fatwa serta pendapat-pendapat yang terlalu sempit sehingga tidak ada kemungkinan boleh diamalkan", kata Dr. Mahathir.

Anasir-anasir ini mahu kehendak mereka diamalkan juga dengan cara paksa walaupun akan menyebabkan orang-orang Islam tinggal mundur dan terkebelakangan dalam negerinya sendiri, katanya.

"Perbuatan mereka itu sekiranya tidak dibetulkan akan meninggalkan kesan yang amat buruk kepada kehidupan orang-orang Islam dan kepentingan masyarakat orang-orang Islam sendiri."

"Saya telahpun menge-

luarkan arahan kepada pengarah-pengarah pelajaran negeri serta meminta kerjasama guru-guru besar dan pemimpin-pemimpin tempatan supaya menyekatkan aktiviti-aktiviti seperti ini daripada mengganggu fikiran murid-murid yang masih muda."

"Jika hal ini dibiarkan saya bimbang tujuan negara untuk mencapai perpaduan dan memajukan pelajaran dan ekonomi orang-orang Islam khasnya Bumiputera supaya seimbang dengan keturunan lain, tidak tercapai."

Langkah ini, menurut Dr. Mahathir bukanlah bertujuan melemahkan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah kerajaan tetapi untuk memelihara tunas-tunas muda yang kita semai pada hari ini dapat hidup subur dan mengeluarkan hasil yang dikehendaki di masa depan.